

KONSEP WASIAT

Wasiat berasal daripada perkataan Arab ialah wasa yang bermaksud membuat janji menurut (Ibn al-Manzur 2003).

Manakala perkataan wasiyyah (wasiat) dalam bahasa Arab merujuk kepada sesuatu yang diwasiatkan, namun kemudiannya digunakan untuk menunjukkan perbuatan atau perilaku wasiat itu sendiri menurut (Ibrahim Mustafa t.th).

PENGERTIAN WASIAT

Penggunaan perkataan wasiat dari segi bahasa merangkumi wasiat terhadap harta atau selain harta (Badran 1985) tetapi penggunaan istilah wasiat dari segi syarak hanya merujuk kepada wasiat harta sahaja menurut (al-Jaziri t.th.; Kamal Hamdi 1987).

Akan tetapi konsep wasiat ini adalah berbeza dengan hibah dari sudut kuatkuasa pindah milik harta hibah adalah pada masa hidup penghibah

PROSEDUR WASIAT

Di Malaysia, undang-undang yang terpakai bagi wasiat orang Islam adalah hukum syarak. Bagi orang-orang bukan Islam pula, undang-undang yang terpakai bagi urusan wasiat ialah undang-undang sivil yang berasaskan undang-undang Inggeris di bawah Akta Wasiat 1959 (Akta 346).

WASIAT SEBAGAI INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA

Seseorang yang memiliki keluarga yang tidak dapat mewarisi harta pusakanya kerana faktor perbezaan agama atau terhalang oleh waris yang lebih dekat.

Seseorang memiliki harta yang banyak, dan berhasrat agar harta itu dikekalkan dalam bentuk yang asal atau tidak dijual.

WASIAT SEBAGAI INSTRUMEN PERANCANGAN HARTA (cont)

Seseorang yang ingin membuat amal jariah dan kebaikan selepas kematian boleh mewasiatkan sebahagian hartanya (dengan syarat tidak melebihi kadar satu pertiga harta) kepada badan-badan tertentu.

PEMBENTUKAN WASIAT

- | | |
|-----------------------------------|---------------------------------------|
| 1) Permohonan | 4) Penyediaan Dokumen Wasiat Bertulis |
| 2) Dokumen Sokongan dan Saksi | 5) Penyimpanan |
| 3) Pendaftaran | 6) Pindaan atau Pembatalan Wasiat |
| 7) Pengemaskinian Status Pewasiat | |

PELAKSANAAN WASIAT

- | | |
|---------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Penerimaan Maklumat Kematian Pewasiat | Pihak waris, ahli keluarga atau saksi perlulah memberitahu kepada pihak MAIS dengan mengemukakan sijil kematian pewasiat yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara atau apa-apa perintah Mahkamah |
| Pembacaan Wasiat | Dilakukan di hadapan penerima wasiat, waris-waris, dan saksi-saksi mengikut tempat yang dipersetujui bersama |

PELAKSANAAN WASIAT (cont)

- | | |
|--------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Siasatan | Pihak MAIS akan menjalankan siasatan ke atas keseluruhan harta pewasiat merangkumi kepada beneficiary, waris dan harta pewasiat. |
| Penilaian Harta | Untuk mendapatkan nilai sebenar harta wasiat, merangkumi harta tak alih seperti rumah dan harta alih seperti perkhidmatan penilai-penilai valuer yang berlesen. |
| Pengesahan Wasiat | Proses pertukaran hak milik boleh diteruskan setelah Mahkamah Syariah mengesahkan dan membenarkan untuk sesuatu wasiat dilaksanakan. |
| Pelaksanaan Wasiat | MAIS hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka si mati atau sebagai pemegang amanah . |